

29/11/1998

Sumbangan parti kecil penting

Seri Intan Othman

KOTA KINABALU: Sumbangan semua anggota komponen Barisan Nasional (BN) termasuk parti kecil, penting dalam menjayakan dasar dan pendekatan pembangunan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, parti kecil mempunyai fungsi tersendiri yang turut memberi sumbangan penting bagi mencapai matlamat BN menjadikan Malaysia negara maju, aman dan stabil.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan logo baru Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) di sini semalam.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia dan Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata Akar juga memainkan fungsi penting bukan saja di Sabah, malah Malaysia.

"Jangan kita fikir parti yang terhad kepada satu negeri tidak ada peranan dalam politik negara, sedikit sebanyak ia mesti mengadakan peranan.

"Saya yakin Akar akan memainkan peranannya dengan baik supaya dapat menyumbang kepada kejayaan cita-cita bangsa kita untuk menjadi bangsa yang maju menjelang tahun 2020," katanya.

Dr Mahathir berkata, setiap parti politik mesti memperkenalkan diri melalui pelbagai cara dan lambang seperti penggunaan logo serta bendera.

Dalam hubungan ini, beliau yakin logo baru Akar dapat menaikkan semangat ahlinya untuk menyertai perjuangan BN khususnya pada pilihan raya negeri akan datang.

"Kita bertindak sebagai satu parti BN dan anggap calon itu calon BN dan kita sokong calon BN.

"Dengan ini kita mencapai kemenangan dan perjuangan politik adalah untuk membawa parti kita menjadi kerajaan," katanya.

Menurutnya, Malaysia terus aman berbanding negara lain walaupun mengalami sedikit masalah ekonomi dan politik kerana parti komponen BN sama ada yang kecil atau besar, boleh bekerjasama dengan baik.

Beliau berkata, ketegangan antara parti komponen juga dapat dikurangkan kerana pertimbangan yang sewajarnya diberi berdasarkan keperluan dan peranan masing-masing.

"Demikian juga dalam politik, kita lihat bagaimana waktu ini kita terdedah kepada ancaman dari dalam dan luar negara.

"Kita tahu bahawa percubaan dibuat untuk menghentikan kestabilan politik dalam negara kita.

"Tetapi berkat kematangan rakyat dan pemimpin dalam kebanyakan parti BN, negara kita dapat mengatasi masalah ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia mempunyai suku kaum dan agama yang berbeza, semua masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan rundingan.

(END)